

TARIKH	SABTU, 15 JANUARI 2022
AKHBAR	BERITA HARIAN
TAJUK ARTIKEL	KOREA UTARA BERTEGAS UJIAN PELURU BERPANDU HAK PERTAHANKAN DIRI
M/S	34
BIDANG	NUCLEAR
KATA KUNCI	NORTH KOREA

# Korea Utara bertegas ujian peluru berpandu hak pertahankan diri

**Seoul:** Korea Utara menegaskan tindakannya melancarkan siri ujian peluru berpandu adalah hak sah untuk mempertahankan diri, lapor media negara itu semalam, memetik Kementerian Luar.

Dalam kes terbaru semalam, Korea Utara didakwa melepaskan peluru yang tidak dikenal pasti, kata pegawai Korea Selatan dan Jepun, ketika krisis sedia ada semakin meruncing.

Pengawal pantai Jepun turut mengesan pelancaran dari Korea Utara yang kelihatan seperti peluru berpandu atau jenis balistik pada jam 2.55 petang waktu tempatan.

Sambil mempertahankan tindakan itu, Pyongyang menyifatkan Amerika Syarikat (AS) sengaja meningkatkan ketegangan dengan mengenakan sekatan baharu susulan isu berkenaan.

Jurucakap Kementerian Luar Korea Utara dalam satu kenyataan disiarkan agensi berita KCNA, mendakwa 'senjata jenis baharu' yang dibangunkan itu sekadar sebahagian usaha Pyongyang untuk

memodenkan keupayaan pertahanan nasional.

"Naik taraf senjata ini tidak menyasarkan sebarang negara secara khusus atau mengancam keselamatan negara jiran.

"Tuduhan AS terhadap hak sah DPRK (nama rasmi Korea Utara) untuk mempertahankan diri adalah suatu provokasi jelas dan bersifat ala sam-seng," menurut kenyataan itu.

Malah, dalam kenyataan sama, Korea Utara turut memberi amaran 'tindak balas pasti serta lebih kuat' tanpa butiran terperinci, sekiranya AS mengambil pendirian konfrontasi.

Rabu lalu, pentadbiran Presiden AS, Joe Biden, mengenakan sekatan terkini berkait program senjata Korea Utara susulan tindakan Pyongyang melancarkan beberapa siri ujian peluru berpandu sejak kebelakangan ini, termasuk dua pada minggu lalu.

Selain itu, Washington juga menggesa Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNSC) untuk mengambil tindakan ke atas beberapa entiti dan individu warga Ko-

rea Utara.

Pihak terbabit didakwa melanggar resolusi UNSC yang melarang Korea Utara membangunkan senjata nuklear dan peluru berpandu.

Bagaimanapun, Korea Utara mendakwa senjata dilancarkan baru-baru ini adalah 'peluru berpandu hipersonik' yang akan memperkasakan pasukan tentera strategik negara itu.

Sementara itu Setiausaha Negara AS, Antony Blinken, mendakwa Washington tiada niat permusuhan terhadap Korea Utara, malah bersedia untuk mengadakan rundingan tanpa prasyarat.

Namun, Blinken menegaskan, tindakan Korea Utara melancarkan ujian peluru berpandu terbabit 'amat mengugut kestabilan.'

Menurut Kementerian Luar Korea Utara pula, walaupun Washington mungkin berbicara mengenai diplomasi dan dialog, tindakan AS menunjukkan 'ia masih tetap dengan dasar untuk menyisih serta menyekat' Korea Utara.

REUTERS

DISEDIAKAN OLEH	1-NOR SURIANI BINTI MOHD ZIN (S44), BPM 2-CARLOS LINTON (S19), BPM UNIT PERPUSTAKAAN, BPM
-----------------	---